

# Environmental Invention & Technology Exhibition (EITEX) 2010 PPK Alam Sekitar

Oleh : Persatuan PPK Alam Sekitar

Tanggal 3 Mac 2010 yang lalu, PPK Alam Sekitar telah sekali lagi menganjurkan program Environmental Invention and Technology Exhibition (EITEX) 2010 bertempat di Makmal PPK Alam Sekitar, Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3. Program tahunan yang bertemakan 'Innovating for a Sustainable and Profitable Future' ini antaranya bertujuan memberikan pendedahan awal tentang bidang penyelidikan kepada pelajar. Selain itu, matlamat utama program EITEX adalah sebagai menyokong dan mendedahkan pelajar kepada aktiviti tambahan 7 Pillars iaitu innovation (i) atau sinonim dengan 7 Pillars +

Sebanyak 24 kumpulan bersamaan dengan 133 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 1 dan 2 PPK Alam Sekitar telah menyertai pertandingan ini. Seramai 6 orang

juri telah dilantik bagi mengadili produk-produk yang dipertandingkan dalam program ini termasuk 2 orang juri jemputan dari PPK Bahan iaitu Prof Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali yang bertindak selaku ketua juri dan En. Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah.

Kumpulan-kumpulan yang memenangi pertandingan EITEX 2010 ini seterusnya telah dipilih untuk mewakili PPK Alam Sekitar ke program 'Engineering Invention & Innovation Exhibition' (ENVEX) 2010 yang berlangsung pada 2 - 4 April yang lalu.



## KEPUTUSAN PERTANDINGAN EITEX 2010

### Pemenang Pingat Emas

Produk: Stress Cooler  
Ketua Kumpulan: Adi Hassan Abdul Rahman

### Pemenang Pingat Perak

Produk: StyreneSolve  
Ketua Kumpulan: Tan Guan Tyng

Produk: Cactus as Coagulant in Water Treatment  
Ketua Kumpulan: Pua Poh Keong

### Pemenang Pingat Gangsa

Produk: Parquet from Coconut Shell  
Ketua Kumpulan: Noor Ilya Kosmadi

Produk: Main Hole Cover from Fiberglass  
Ketua Kumpulan: Azuan Aziz Awang